

22/08/1998

Kontraktor Melayu perlu berdikari

KUALA LUMPUR, Jumaat - Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) dan Pergerakan Belia 4B meminta kontraktor Bumiputera berdikari dalam meraih kontrak kerajaan dan swasta pada masa depan bagi mengelak berlakunya amalan pilih kasih.

Presiden PKMM, Roslan Awang Chik, berpendapat penggunaan perkataan 'Bumiputera' masih relevan dalam kelembapan ekonomi sekarang.

Menurutnya, kebanyakan kontraktor Melayu terutama kelas F 'gulung tikar' kerana tidak mempunyai apa-apa projek, sekali gus kehilangan punca pendapatan.

Roslan mengulas permintaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya kontraktor Melayu tidak lagi bergantung kepada gelaran 'Bumiputera' untuk meraih kontrak kerajaan dan swasta pada masa depan.

Perdana Menteri yang masih belum puas hati dengan kejayaan kontraktor Melayu, mahu kontraktor berkenaan bersaing untuk meraih kontrak swasta di seluruh dunia.

Sehubungan itu, Dr Mahathir meminta kontraktor Melayu meningkatkan kecekapan dan kebolehan mereka sendiri supaya sama tarafnya dengan orang lain.

Roslan berkata, jika kontraktor Bumiputera dapat bertahan terhadap ujian getir ekonomi sekarang, saya percaya mereka dapat bersaing dengan kaum lain dalam keadaan biasa," katanya.

"Sehubungan itu, saya merayu kerajaan memberi kelonggaran kepada kontraktor jika gagal menyiapkan projek pada tarikh ditetapkan kerana masalah kewangan," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Presiden Belia 4B, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, berkata kontraktor Melayu yang sudah berjaya dan mampu berdikari perlu bersedia bersaing dengan kaum lain.

Beliau berkata, langkah berkenaan dapat mengelak daripada tanggapan bahawa kontraktor Bumiputera tidak mempunyai kredibiliti.

(END)